

**Asean Diharap Tangani Kawasan Yang Dilanda Konflik - Najib
Bernama
27 Mac, 2014**

MANILA, 27 Mac (Bernama) -- Susulan pemeterian perjanjian damai yang diusahakan Malaysia bagi selatan Filipina hari ini, Datuk Seri Najib Tun Razak menyuarakan harapan agar Asean akan menangani kawasan bergolak di rantau itu sebelum Komuniti Asean 2015 menjadi kenyataan.

"Kita mesti pastikan semua kawasan yang menjadi kawasan konflik tidak lagi berterusan konflik itu tetapi proses mencari penyelesaian politik perlu diusahakan.

"Ini supaya bila Asean diisytihar sebagai sebuah komuniti kelak, ia benar-benar menampilkan imej kawasan yang benar-benar aman dan makmur," kata perdana menteri kepada media Malaysia selepas menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Komprehensif mengenai Bangsamoro (CAB) di sini.

Perjanjian damai antara kerajaan Filipina (GBH) dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) itu bertujuan mewujudkan entiti politik berperintahan sendiri dikenali sebagai Bangsamoro yang akan mempunyai kuasa politik dan ekonomi yang lebih besar.

Entiti baharu ini akan menggantikan Wilayah Autonomi Islam Mindanao selaras dengan Undang-undang Asas Bangsamoro yang akan diluluskan oleh Kongres Filipina dan disahkan oleh penduduk yang terlibat.

Najib berkata Kuala Lumpur berharap perjanjian penting itu, yang dimeterai susulan rundingan sukar merangkumi tempoh 17 tahun antara GPH dan MILF, akan membawa kepada selatan Filipina yang lebih aman serta makmur yang turut memberi manfaat kepada penduduk yang tinggal merentasi sempadan di tempat seperti Sabah.

Malaysia menyertai proses perdamaian itu pada 2001.

"Limpahan (keamanan) akan terus dirasai sudah tentu oleh rakyat Malaysia khususnya di Sabah, mereka akan dapat peluang untuk mengecapi keadaan lebih aman. Di samping itu, perkembangan ekonomi di kawasan berkenaan akan memberi kesan juga di Sabah," kata Najib.

Perdana menteri menarik perhatian bahawa Malaysia menunjukkan peranan sebagai pemimpin dalam merangka CAB.

"Ini bermakna Malaysia diiktiraf sebagai sebuah negara yang berupaya membantu dalam penyelesaian konflik, terutamanya di wilayah ini.

"Ini menunjukkan bahawa kita bukan hanya sebuah negara yang cintakan keamanan tetapi juga sebuah negara yang bersedia melaksanakan peranan aktif dalam menyumbang ke arah kebaikan wilayah Asia Tenggara," kata Najib.

Beliau berkata imej Malaysia semakin meningkat pada pandangan komuniti antarabangsa berikutan peranannya dalam perjanjian damai Bangsamoro.

Perdana menteri berkata Malaysia komited dalam meneruskan peranannya sebagai pemudahcara perdamaian dan sebahagian daripada Pasukan Pemantau Antarabangsa di selatan Filipina.

"Peranan kami akan berterusan sehingga kami tiba ke kemuncaknya, iaitu pewujudan kerajaan Bangsamoro," katanya.

Beliau berkata Kuala Lumpur bersedia untuk menghulur bantuan dalam pembangunan kemahiran dan mewujudkan peluang ekonomi di selatan Filipina, termasuk dalam bidang pertanian.

Najib diiringi isterinya Datin Seri Rosmah Mansor dalam lawatan kerja ke Manila.

Turut menganggotai delegasi beliau ialah Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Zulkifeli Mohd Zain, selain pegawai kanan kerajaan.

Najib dijadual berlepas pulang dari Manila malam ini selepas menghadiri majlis jamuan malam di Istana Malacanang.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025538>